

# Warkah

## سبيلك في قديمك كسيمي

### ورقه مانوسكريت ملايو



BIL.2/2021 ● JULAI - DISEMBER 2021 ● ISSN 0128-6897

## Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021


### SEKSOLOGI: ILMU PERKASIHAN MELAYU

15 Jun 2021 - Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021 bertajuk *Seksologi : Ilmu Perkasihan Melayu* telah diadakan secara dalam talian. Penceramah yang diundang adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Encik Naseer bin Sobree, Pengerusi Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN). Wacana ini dianjurkan bertujuan membincangkan kepentingan Manuskrip Melayu dalam pembangunan sosio budaya masyarakat serta menyebarkan dapatan kajian dan penyelidikan serta membina jaringan kerjasama antara PNM dengan institusi serta penyelidik.



Poster Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021  
*Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu.*

Menerusi wacana ini, kupasan mengenai ilmu perkasihan Melayu telah dibentangkan secara mendalam oleh penceramah. Antara intipati yang disentuh adalah berkenaan dengan tumbuh-tumbuhan tempatan yang digunakan dalam rawatan tradisional Melayu bagi meningkatkan kesihatan seksologi individu. Selain itu, turut dibincangkan nama dan jenis penyakit berkaitan kelamin lelaki dan wanita serta kaedah merawatnya berpandukan ilmu yang telah dirakam di dalam manuskrip Melayu ratusan tahun yang silam. Wacana yang dilaksanakan secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta yang terdiri daripada para penyelidik, pelajar, pensyarah universiti, kakitangan awam dan swasta serta orang awam dengan 4243 jumlah tontonan keseluruhan.



Wacana Manuskrip Melayu Bil.2/2021 secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel.

## Ceramah Seksologi Dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaya

9 Julai 2021 - Ceramah 'Seksologi dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaya' merupakan kesinambungan daripada wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021. Ceramah ini disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.



Poster Ceramah Seksologi dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaya

Menerusi wacana ini, penceramah mengupas dengan lebih khusus berkenaan koleksi manuskrip ubat-ubatan Melayu tradisional yang tersimpan di Universiti Malaya. Keunikan dan keistimewaan naskhah ini diulas oleh penceramah termasuk daripada aspek penyimpanan, pemeliharaan dan pemuliharaan. Turut dikongsikan menerusi wacana ini berkaitan petua-petua tradisional yang menjadi amalan masyarakat Melayu silam dalam perawatan penyakit-penyakit tertentu seperti darah tinggi, kencing manis, lemah tenaga syahwat, mati pucuk, nafsu mati dan lain lain.

Perkongsian ilmu melalui wacana ini telah memberi peluang kepada para peserta mengenali dan meneroka kearifan tempatan bangsa Melayu yang terkandung dan dinukilkan dalam manuskrip Melayu. Wacana ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penonton dengan 3372 jumlah tontonan keseluruhan.



Ceramah Seksologi dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaya secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel.

# PROMOSI MANUSKRIP MELAYU

melalui  
**MEDIA SOSIAL**



## PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Bagi meneruskan promosi terhadap koleksi manuskrip Melayu PNM, beberapa poster promosi seperti yang berikut telah dimuat naik ke dalam media sosial PNM dari tempoh Julai hingga September 2021.



5 Julai 2021



27 Julai 2021



3 Ogos 2021




17 Ogos 2021



14 September 2021

## PERTUKARAN WARGA PKMM

Pada 1 September 2021, Timbalan Pengarah Kanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Puan Ruzilah binti Ehsan telah bertukar ke Institut Kesihatan Negara (NIH), Setia Alam. Tempat beliau telah digantikan oleh Puan Fatimah binti Abdul Hai dari Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (BGLM).



*Ruzilah binti Ehsan*



*Fatimah binti Abdul Hai*

Mulai 18 Oktober 2021, PKMM telah menerima dua orang kakitangan baharu iaitu Puan Noor Alia Hanim binti Mohamad Hassan, yang sebelumnya bertugas sebagai Penolong Pustakawan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Sultan Mizan dan Encik Abdul Rahman bin Muhammad Shariff, Pustakawan dari First City University College, Petaling Jaya. Puan Marsila binti Ahmad, Pustakawan Unit Promosi dan Penerbitan PKMM telah bertukar ke Perpustakaan dan Arkib Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi.



*Marsila binti Ahmad*



*Abdul Rahman bin  
Muhammad Shariff*



*Nur Alia Hanim binti  
Mohamad Hassan*

Pada 22 November 2021, PKMM telah menerima seorang Penolong Pustakawan baharu iaitu Encik Mohd Aqif Fikri bin Sulaiman, yang sebelumnya bertugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Universiti Teknologi MARA.



*Mohd Aqif Fikri bin Sulaiman*

PKMM mengucapkan selamat maju jaya kepada pegawai-pegawai yang telah bertukar keluar. Sekalung penghargaan diberikan kepada pegawai-pegawai ini atas sumbangan dan jasa bakti sepanjang mereka berkhidmat di PKMM. Warga PKMM turut mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai baharu dan semoga istiqamah dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

## LAWATAN RASMI YB TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA KE PNM



*YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P. bersama Ketua Pengarah PNM*

Pada 14 September 2021, Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima lawatan daripada YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). YB Timbalan Menteri telah diberi taklimat mengenai PNM oleh Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan melawat Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu untuk melihat koleksi manuskrip Melayu.

Antara koleksi manuskrip Melayu yang dipamerkan adalah manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS 1713), Cerita Panji (MSS 94), Syair Siti Zubaidah (MSS 25) dan Hukum Kanun Melaka (MSS 23).

YB Timbalan Menteri turut diberi penerangan mengenai produk inovasi Jabatan iaitu kain Batik Hang Tuah yang diinspirasi daripada ragam hias atau iluminasi manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS 1713).



*Kakitangan PKMM memberikan taklimat ringkas kepada YB Timbalan Menteri MOTAC mengenai koleksi manuskrip Melayu dan perkhidmatan yang disediakan.*

# Wacana Manuskrip Melayu Bil. 3/2021

## MANUSKRIP ILMU FALAK SEBAGAI GAMBARAN KEARIFAN BANGSA

Wacana Manuskrip Melayu Bil. 3/2021 bertemakan “Manuskrip Ilmu Falak Sebagai Gambaran Kearifan Bangsa” telah diadakan pada 23 September 2021 bertujuan mempromosikan kepada khalayak berkenaan kekayaan warisan ilmu yang terkandung dalam tradisi penulisan manuskrip Melayu termasuklah dalam genre ilmu falak dan kosmologi. Menerusi wacana ini, peserta dihidangkan dengan pelbagai maklumat baharu berkenaan tradisi penulisan ilmu falak oleh bangsa Melayu sejak ratusan tahun dahulu. Turut dibincangkan adalah perbezaan takrifan di antara ilmu kosmologi, astronomi, astrologi dan ilmu falak itu sendiri yang mana setiap satu takrifan itu mempunyai pengkhususannya yang tersendiri dalam mewarnai ilmu kosmologi secara amnya.



Poster Wacana Manuskrip Melayu Bil.3/2021

Wacana ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Baharrudin bin Zainal, Profesor Madya Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program diadakan secara dalam talian menerusi platform YouTube PNM TV Channel. Wacana yang berlangsung selama 2 jam ini disertai oleh semua lapisan masyarakat.

Wacana Manuskrip Melayu Bil.3/2021: Manuskrip Ilmu Falak Sebagai Gambaran Kearifan Bangsa

**WACANA MANUSKRIP MELAYU** Press [Esc] to exit full screen

**"MANUSKRIP ILMU FALAK SEBAGAI GAMBARAN KEARIFAN BANGSA"**

13.	MS 2912, <i>Khaid Nih'an-Nahr</i> , Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. (t.t)	PNM
14.	Rajah Pembetul Jam, Syekh Muhammad Tahir bin Jalaluddin. (t.t)	ANM (SP 10)
15.	Risalaht fi al-Taqwim, Syekh Abdul Rauf Singkel (1700?)	Dalam Arwin Juli (2020)
16.	MSS5029, Mata Angin. (anama)(t.t)	PNM

*Risalaht fi al-Taqwim* (1105H/1693M) dalam Arwin Juli (2020)

(MSS5029, Pusat Manuskrip Melayu, PNM)

Baharrudin Zainal

Prof. Madya Dr. Baharrudin Zainal Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam UniSZA

Wacana Manuskrip Melayu Bil.3/2021 secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT MANUSKRIP MELAYU PNM BIL. 1/2021

Pada 5 Oktober 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu PNM Bil. 1/2021 telah dilaksanakan secara dalam talian menerusi aplikasi Google Meet. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif. Mesyuarat ini antara lain bertujuan untuk membincangkan hala tuju Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu sebagai pusat utama penyelidikan manuskrip Melayu di rantau ini. Turut dibentangkan semasa mesyuarat ini ialah pencapaian serta aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PKMM sepanjang tahun 2021. Di samping itu, perancangan PKMM bagi tahun 2022 turut dibentangkan untuk makluman semua ahli mesyuarat.



Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat  
Manuskrip Melayu PNM Bil.1/2021

## PROGRAM PKMM SEMPENA MINGGU BUDAYA MALAYSIA 2021

Minggu Budaya Malaysia (MBM) 2021 merupakan satu program baharu yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Program ini merupakan salah satu usaha awal bagi menterjemahkan strategi Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. MBM ini juga akan dijadikan *signature programme* MOTAC sebagai wadah manifestasi kepelbagaian seni budaya dan warisan di Malaysia dengan cara menyediakan ruang bagi mengekspresi keragaman budaya serta mendorong interaksi budaya dalam usaha memperkukuhkan kebudayaan secara inklusif. Di samping itu, ia merupakan usaha berterusan MOTAC memperkenalkan budaya Malaysia di mata dunia khususnya kepada para pelancong.

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) turut terlibat dalam program ini. Antara pengisian program ini adalah bicara Manuskrip Melayu: Warisan Intelektual Silam oleh YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Muhamad Zarif, Profesor Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM serta bicara Cerita Panji yang disampaikan oleh Dr. Noriah Mohamed, Pakar Rujuk Cerita Panji yang berlangsung di ASWARA. PKMM turut mempromosikan Pertandingan Membaca Naskhah Lama yang bermula dari 25 Oktober sehingga 5 November 2021.



Bicara Manuskrip Melayu: Warisan Intelektual Silam oleh Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Muhamad Zarif



Bicara Cerita Panji oleh Dr. Noriah binti Mohamed

## **LAWATAN PENANDAARASAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK KE PNM**

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima lawatan kerja daripada Tuan Haji Japri bin Bujang Masli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Pustaka Negeri Sarawak pada 22 Oktober 2021.

PKMM menjadi antara salah satu bahagian perkhidmatan yang dikunjungi oleh Tuan Haji sebagai lawatan penanda aras. Beliau turut berpeluang melihat koleksi manuskrip Melayu dan perkhidmatan yang disediakan oleh PKMM. Lawatan dan perbincangan tersebut turut disertai oleh Timbalan Pengarah Kanan PKMM serta beberapa orang pegawai PKMM.



*Pn. Fatimah binti Abdul Hai bersama pegawai-pegawai PKMM sedang menyantuni Tuan Haji Japri bin Bujang Masli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Pustaka Negeri Sarawak*



## PAMERAN MANUSKRIP MELAYU SEMPENA MAJLIS PELANCARAN DASAR KEBUDAYAAN NEGARA (DAKEN)

Pada 26 Oktober 2021, telah berlangsung Pameran Manuskrip Melayu sempena Majlis Pelancaran DAKEN 2021 yang bertemakan “Negara Maju Rakyat Berbudaya” yang diadakan di Kompleks Kraf, Jalan Conlay KL. Pameran ini disertai oleh semua agensi bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, antaranya ialah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAF), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Jabatan Warisan Negara (JWN), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Istana Budaya (IB).

DAKEN 2021 telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob menerusi rakaman awal yang disiarkan secara langsung pada malam tersebut. DAKEN 2021 menggariskan hala tuju Malaysia ke arah “Negara Maju Rakyat Berbudaya”. Ia digubal berlandaskan lima prinsip yang terdapat dalam Keluarga Malaysia iaitu keterangkuman, kebersamaan, semangat kebangsaan, keterbukaan dan menyeluruh.

Koleksi manuskrip Melayu yang dipamerkan meliputi koleksi-koleksi manuskrip yang telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO Memory of the World Register pada tahun 2001 dan 2017 seperti MSS 1713 Hikayat Hang Tuah dan MSS 94 Cerita Panji.



*Pelancaran DAKEN oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia*



*Ucapan alu-aluan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri MOTAC*



*Antara pengunjung yang melihat koleksi Hikayat Hang Tuah (MSS 1713) yang dipamerkan sempena Majlis Pelancaran DAKEN*



# MAJLIS PERASMIAN PAMERAN REALITI MAYA (VR) DAN REALITI TERIMBUH (AR) RUMAH MELAYU TRADISIONAL BERINSPIRASIKAN MANUSKRIP MELAYU PETUA MEMBINA RUMAH


30 November 2021 – YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha MOTAC telah hadir merasmikan Pameran Realiti Maya (VR) dan Realiti Terimbuh (AR) Rumah Melayu Tradisional Berinspirasi Manuskrip Melayu Petua Membina Rumah di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Pameran ini bertujuan mengetengahkan ilmu pengetahuan seni bina rumah Melayu tradisional dan menonjolkan koleksi manuskrip khususnya berkaitan petua membina rumah serta lain-lain manuskrip yang berkaitan menerusi penggunaan teknologi VR dan AR yang dibangunkan berasaskan web.

Objektif pameran VR dan AR rumah Melayu adalah bagi mengetengahkan ilmu pengetahuan tentang petua membina rumah Melayu tradisional menerusi aplikasi VR dan AR kepada masyarakat; menggalakkan kajian dan penyelidikan naskhah manuskrip Melayu berkaitan seni bina dan petua membina rumah Melayu tradisional; meningkatkan kecintaan dan apresiasi terhadap manuskrip Melayu; dan sebagai wadah pembelajaran kepada masyarakat secara lebih interaktif bagi penjana ilmu yang berterusan.



Poster Majlis Pameran Realiti Maya (VR) dan Realiti Terimbuh (AR) Rumah Melayu Tradisional Berinspirasi Manuskrip Melayu Petua Membina Rumah



MSS 1551 Petua Membina Bumbung

Sebanyak lima buah rumah Melayu tradisional yang mewakili lima buah negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu dipaparkan menerusi teknologi AR serta rumah tradisional Melayu Terengganu dipaparkan menerusi teknologi VR boleh dilawati secara maya.

Paparan secara maya serta teks penerangan rumah-rumah tersebut boleh dilihat melalui imbasan kod QR yang disediakan dengan menggunakan telefon pintar.



<https://rumahmelayuvrar.pnm.gov.my>



YBhg. Datuk Wira KSU menurunkan tandatangan pada plak perasmian digital Majlis Perasmian Pameran VR & AR Rumah Melayu Tradisional

## SIDANG PENGARANG

Penasihat : YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab  
Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia

Editor : Faizal Hilmie bin Yusof  
Pengarah  
Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

Timbalan Editor : Fatimah binti Abdul Hai  
Timbalan Pengarah Kanan  
Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Pengarang : Abdul Rahman bin Muhammad Shariff  
Syamimi binti Mohd Samsuddin

**DIBUKA SETIAP HARI  
KECUALI  
SABTU, AHAD & CUTI UMUM**

Isnin - Khamis -> 10:00 pagi - 5:00 petang  
Jumaat -> 10:00 pagi - 12:15 tengah hari  
-> 2:45 petang - 5:00 petang

### SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu  
Aras 11, Menara PNM,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232 Jalan Tun Razak,  
50572 Kuala Lumpur

**Tel.:** 03-2687 4394

**Laman sesawang:** [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

**E-mel:** [pmm@pnm.my](mailto:pmm@pnm.my)

